UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

Program Bebas Dawai **DiTiang** Lampu UPM

PROGRAM KERJASAMA

Kumpulan Langit Putra
Pejabat TNCPI
Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi
Fakulti Pengajian Alam Sekitar

PROGRAM BEBAS DAWAI di TIANG LAMPU SEKITAR UPM

- Program ini merupakan aktiviti yang dirancang bagi melengkapkan perlaksanaan inovasi bagi mengatasi masalah kesukaran memasang bunting outdoor pada tiang lampu yang telah dibangunkan oleh Kumpulan KIK Langit Putra. Kumpulan KIK Langit Putra daripada PSP dan Pejabat TNCPI telah mereka cipta inovasi Skytider iaitu alat yang digunakan untuk membantu pemasangan bunting outdoor di tiang lampu sekitar
- Pemasangan bunting menjadi sukar dengan adanya halangan dawai-dawai dan kayu bunting lama yang terdapat pada tiang-tiang lampu yang ditinggalkan di sekitar UPM. Dawai lama yang telah berkarat ini boleh merosakkan tiang lampu di dalam jangka masa yang lama dan mencacatkan pemandangan dan kebersihan persekitaran kampus UPM.
- Kesinambungan program ini akan diteruskan melalui penambahbaikan panduan pemasangan bunting di sekitar UPM yang akan dikuatkuasakan oleh Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi UPM

Objektif Program

- Membersihkan tiang-tiang lampu daripada dawai-dawai lama yang ditinggalkan sebelum ini bagi memudahkan pemasang bunting untuk memasang bunting outdoor yang baru
- Memastikan kerja pemasangan bunting pada masa akan datang lebih mudah menggunakan inovasi Skytider yang dibangunkan
- Memelihara kebersihan, keindahan dan kehijauan kampus UPM
- Menguatkuasakan penggunaan Skytider dan menghalang dawai lama ditinggalkan pada tiang lampu oleh COSCOMM

Lokasi Terlibat

- Lokasi utama program ini melibatkan 10 jalan yang menjadi tumpuan pemasangan bunting Putra Science Park dan Pejabat TNCPI.
- Jalan Maklumat, Jalan Lebuh Silikon, Jalan Persiaran Universiti 2, Persiaran Tulang Daing, Persiaran Masjid, Lorong Asam Jawa 1, Persiaran Dewan Besar, Jalan Persiaran Universiti 1, Jalan Alpha & Jalan Universiti 1

Panduan Pemasangan Bunting Universiti Putra Malaysia

1. Pemasangan bunting perlulah digantung dengan kemas dan tidak menghalang papan tanda yang sedia ada
2. Pemohon adalah bertanggungjawab di atas keselamatan pemasang semasa kerja dijalankan.
3. Pemohon hendaklah memastikan semua bahan publisiti yang telah digantung sentiasa dipantau sepanjang tempoh kelulusan (contoh; bahan publisiti yang melurut, tertanggal, terjatuh atau rosak).
4. Kain rentang perlu diturunkan oleh penganjur selewat-lewatnya 1 hari selepas aktiviti berlangsung.
5. Pastikan tiada dawai, serpihan kayu, kable/tali pengikat, serpihan banting yang telah digunakan ditinggalkan pada tiang dan sekitar kawasan tiang.
6. Pemohon bertanggungjawab di dalam memelihara kebersihan UPM di kawasan berkaitan.

Sumber
Borang Permohonan Memasang Bahan Publisiti (Billboard/Banner/Bunting/Poster)
- Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi UPM